

PM: Kerajaan puas

UM 2 - OCT 2003

LANGKAWI 1 Okt. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kerajaan amat berpuas hati dengan pencapaian Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi (LIMA) yang kini memasuki edisi ketujuh.

Perdana Menteri berkata, ia terbukti dapat mempertingkatkan kemampuan syarikat-syarikat tempa-

tan dalam penggunaan teknologi dan pengeluaran produk-produk bermutu termasuk kapal perang frigat.

Menurut Perdana Menteri, syarikat-syarikat yang mengambil bahagian juga semakin bertambah dan perniagaan mereka berkembang begitu pesat sejak 12 tahun lepas apabila pameran dwitahunan itu diperkenalkan pada tahun 1991.

“Sebelum ini mereka tidak mempunyai teknologi tetapi kini mereka memilikinya dan mampu mengeluarkan produk-produk bermutu, malah membina kapal perang frigat sendiri,” ujarinya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan Kabinet di puncak Gunung Raya, di sini hari ini.

Beliau menyifatkan perkara itu

hati pencapaian LIMA

sebagai satu perkembangan yang amat positif hasil daripada usaha-usaha yang dilakukan melalui penganjuran LIMA setiap dua tahun sekali.

LIMA, kini adalah antara pameran udara yang terbesar di dunia dan menjadi platform terbaik bagi pengilang dan industri berkaitan untuk mempamer serta membuat

promosi teknologi terkini aeroangkasa.

Ia adalah pameran unik bagi industri udara dan maritim dalam pasaran penerbangan komersial, lapangan terbang dan pertahanan.

Beliau menyifatkan perkara itu sebagai satu perkembangan yang amat positif hasil daripada usaha-usaha yang dilakukan melalui pe-

nganjuran LIMA setiap dua tahun sekali.

Sementara itu, Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, kebanyakan syarikat Malaysia berjaya melonjak ke tahap yang boleh dibanggakan.

“Berbanding dengan tahun 1991, kebanyakan daripada mereka berjaya menjalankan kerja-kerja yang lebih sofistikated,” ujarinya.